



Jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang akan beroperasi hujung tahun ini

KUALA LUMPUR: Fasa pertama Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (SBK) antara Sungai Buloh dan Semantan dijangka memulakan operasi pada akhir tahun

ini. "Kami menunggu pembukaan fasa pertama pada hujung tahun ini," kata Pengarah Projek Jajaran SBK Marcus Karakashian, hari ini. Beliau berkata kerja-kerja pembinaan trek di pintu masuk sudah siap dan sebuah

tren elektrik sedang diuji di landasan antara stesen Kwasa

Sentral dan Surian.

Stesen-stesen bawah tanah pula sedang dilengkapi peralatan elektrik dan mekanikal, katanya kepada pemberita selepas penyampaian Anuger-

ah Pertandingan Reka Bentuk Bangku, do Pusat Latihan

KVMRT, di sini.

"Masih ada banyak kerja (untuk disiapkan)," katanya, menambah fasa pertama berlangsung mengikut jadual.

Beliau berkata ujian bersepadu berkemungkinan dijalankan pada September. Enam

pemenang menerima hadiah wang tunai masing-masing RM7,000 untuk penyertaan mereka bagi mereka bentuk bangku di enam stesen iaitu Muzium Negara, Merdeka, Pasar Seni,

Tun Razak Exchange, Cochrane dan Maluri.- Bernama